

Reformasi sistem cukai optimum kurangkan risiko hutang negara

Malaysia melalui beberapa siri kemerosotan ekonomi, tetapi tidak pernah sekali gagal membayar faedah dan hutang matang.

Menurut laporan Kementerian Kewangan (MOF) pada 2021, hutang Malaysia adalah RM979.8 bilion, iaitu 63.4 peratus daripada jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Kenaikan lebih RM100 bilion daripada tahun sebelumnya mengundang persepsi buruk daripada masyarakat terhadap kedudukan fiskal negara.

Persepsi ini diburukkan lagi dengan laporan 18 peratus daripada nilai mata wang digunakan untuk membayar faedah hutang negara.

Memetik perangkaan data Bank Dunia, hutang kerajaan Indonesia adalah 42 peratus daripada KDNK; Thailand (50 peratus); Malaysia (60 peratus) dan diikuti Filipina 62 (peratus).

Perbandingan data Bank Dunia jelas menunjukkan Malaysia adalah negara Asia Tenggara yang masih kompetitif.

Namun, adalah kurang tepat untuk membandingkan peratusan hutang Malaysia dengan Indonesia sahaja, memandangkan negara jiran itu diklasifikasikan Bank Dunia sebagai negara berpendapatan menengah bawah pada tahun ini.

Sebaliknya Malaysia dan Thailand adalah negara berpendapatan menengah tinggi. Oleh itu, hutang Malaysia sebenarnya masih rendah dan terkawal jika dibandingkan dengan negara Asia Tenggara lain.

Melihat perincian data disediakan Bank Negara Malaysia (BNM), hanya 3 peratus daripada hutang kerajaan Malaysia adalah pinjaman luar negara, selebihnya adalah hutang dalam negara.

Ini membuktikan dakwaan Malaysia bakal menjadi negara gagal jauh tersasar yang secara majoriti hutang kerajaan Persekutuan adalah dibayar dalam bentuk ringgit, bukannya mata wang asing.

Bayaran khidmat hutang

Jika kita melihat perincian bagi hutang luar negara, penyumbang utama adalah daripada institusi perbankan dan kewangan, iaitu sebanyak 32.9 peratus, manakala kerajaan Persekutuan dan negeri menyumbang 23.4 peratus serta selebihnya adalah sektor lain.

Arah aliran kenaikan hutang luar negara kasar perlu diberikan perhatian serius memandangkan proses pembayaran balik hutang luar negara mengambil kira bayaran prinsipal dan faedah, iaitu apa dinamakan sebagai bayaran khidmat hutang.

Kemampuan Malaysia untuk membayar balik pinjaman luar negara akan menentukan rating kredit pada masa hadapan.

Jika sesebuah negara mempunyai penarafan kredit lemah, maka akan sukar mendapatkan pinjaman luar dan ini antara indikator kepada pelabur asing.

Pola imbangan akaun semasa juga mencerminkan kepada kadar kemampuan negara untuk membayar balik hutang terutama kepada hutang dinominasi oleh ringgit.

Statistik daripada **Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)**, Malaysia mencatat imbangan akuan semasa surplus dari 2000 hingga 2021.

Malaysia mencatatkan RM58.7 bilion lebih pada 2021 dan secara tidak langsung memberi tanggapan positif kepada kemampuan kerajaan untuk membayar balik hutang negara.

Bagaimanapun, ini tidak bermakna negara boleh selesa dengan kedudukan hutang, sebaliknya perlu mengambil langkah strategik dan tepat.

Bagi mengurangkan risiko hutang pada masa hadapan, penambahbaikan atau pembaharuan dalam sistem percukaian perlu dipertimbangkan kerajaan.

Reformasi sistem percukaian optimum dan tidak membebankan rakyat akan lebih berkesan, terutama jika hasil cukai ditujukan kepada sasaran tepat khasnya individu berpendapatan rendah dan sederhana.

Jika dibandingkan dengan hasil pendapatan cukai daripada unjuran Bank Dunia, Malaysia merekodkan 10.9 peratus daripada nilai KDNK.

Hasil pendapatan cukai ini jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan negara jiran seperti Thailand yang mencatatkan 14.5 peratus daripada nilai KDNK.

Ini mungkin disebabkan dengan pemberhentian cukai barang dan perkhidmatan (GST) pada 2018. Sebanyak RM44.35 bilion berjaya dikutip daripada GST pada akhir 2017 berbanding RM27.67 bilion daripada cukai jualan dan perkhidmatan (SST).

Oleh itu, reformasi sistem percukaian adalah perlu supaya dapat membantu pertumbuhan ekonomi mampan, seterusnya memberi pulangan kepada

rakyat dan menambah baik perbelanjaan kerajaan lebih efektif.

<https://www.bharan.com.my/amp/kolumnis/2022/10/1013374/reformasi-sistem-cukai-optimum-kurangkan-risiko-hutang-negara>